

IDEA “KETERBUKAAN” DI ERA PEMERINTAHAN PERDANA MENTERI MALAYSIA KELIMA: ANALISIS STRUKTUR, PROSEDURAL DAN SUBSTANTIAL ETIKA MEDIA MASSA

SYAHRUDDIN HJ. AWG. AHMAD

ABSTRACT

More corruption issues as well as transparency in delivery system, human capital and efficiency of our government servant working style arised and shown on media. All in all gives a meaning towards the structure of news content and possibly create challenges to gain understanding about ‘transparency’ as an idea in order to replenish image of Malaysian public service. This study is focussing on issues related to public service. Three framework analyses namely a structural, procedural and substantial are technically support the idea of situationist ethics. Nine set of news regarding corruption were structurally analysed to see whether there is a relations between news structure and eight exclusively design of code of conduct by IAM. In procedural analysis news editor seems to put some efforts to maximize a number of verbal words as they were directly recorded from news sources and at the same time minimizing the editing job to ensure that name of a person, in term of rank and position are clearly mentioned in such a news. As in the substantial analysis verbal words were taken and arranged as *kenyataan laporan, tanggapan dan hukuman*.

Keywords: *structural, procedural, substantial, ‘transparency’*

PENGENALAN

Idea “keterbukaan” yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia yang kelima, Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi menjurus ke arah usaha berterusan untuk mewujudkan anjakan paradigma individu dan kelompok dalam kalangan rakyat negara ini daripada memiliki sikap dan tingkah laku yang negatif kepada satu pakej sikap serta tingkah laku yang positif dan terarah untuk mencapai Wawasan 2020. Idea ini juga boleh dianggap sebagai satu atau siri usaha mengalu-alukan sebarang pendedahan berkaitan dengan salah laku penjawat awam dengan tujuan untuk membaik pulih sekali gus mengekalkan reputasi kerajaan sebagai pembuat dasar dan penyedia perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat. Dalam era milenium

ini, arus globalisasi menghambat semua keperluan dan kehendak manusia. Perdana Menteri memberikan jaminan bahawa jika kita menggunakan akal dan ilmu pada tempat dan masa yang sesuai, maka kita akan berada di landasan yang betul dan tidak akan terjejas walau sekuat mana arus globalisasi itu melanda minda dan budaya rakyat negara ini. Jaminan Perdana Menteri ini dipancarkan kepada sasaran untuk mencapai matlamat negara ini untuk menjadi negara maju dan dalam masa yang sama memiliki warganegara yang berketerampilan dan dihormati seluruh warga dunia. Sesungguhnya, gagasan idea “keterbukaan” ini dalam masa yang sama juga telah memberi laluan kepada proses membina nilai untuk mencipta individu terutama warga kakitangan sektor awam yang mempunyai keterampilan, jujur, dan cekap dalam menjalankan tugas masing-masing. Sebagai penggubal, pelaksana, dan penilai dasar awam, kakitangan kerajaan pada semua peringkat pentadbiran dan pengurusan dilihat sebagai aset penting dalam menggerakkan jentera pemerintahan yang berkualiti (Mohd. Hamdan Adnan 2004).

Secara literal boleh dikatakan bahawa idea keterbukaan ini mendapat sambutan hampir semua pihak, termasuklah media massa di peringkat nasional di negara ini. Pihak media, terutamanya akhbar arus perdana, memberikan reaksi yang positif bukan sahaja menerusi pola pelaporan berita yang mencerminkan sumbangan media ke arah peningkatan kualiti sektor awam dalam menyediakan perkhidmatan yang telus dan berkesan, malah lebih daripada itu memperlihatkan tanda aras keupayaan sektor awam dalam isu-isu tertentu. Perdana Menteri menggariskan beberapa perkara yang menjadi dasar untuk semua pihak sama-sama terlibat menjayakan idea yang diperkenalkan beliau menerusi kenyataan dalam sidang akhbar, ucapan, wawancara, dan retorik kempen politik.

Ekoran daripada pengesahan lisan dan bertulis sebegini, maka pihak media pada mulanya mengambil jalan tengah untuk melaporkan berita-berita nasional dan tempatan pada kadar yang sederhana. Namun, kini paparan berita berkaitan dengan pegawai dan anggota perkhidmatan awam kian rancak, sama ada dari segi kekerapan mahupun dimensi pelaporan. Laporan tentang salah laku pegawai-pegawai di perkhidmatan awam, kegagalan fungsi agensi kerajaan, dan sikap pegawai dalam sektor awam menjadi bahan yang mengisi dada akhbar. Kini setelah lebih tiga tahun pemerintahan Perdana Menteri, Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi, akhbar-akhbar aliran perdana kian berani, malah tampak *alah bisa tegal biasa* dengan berita yang dianggap “berani” untuk mengupas sebilangan besar isu membabitkan *status quo* berita tentang perbicaraan bekas menteri yang disabitkan kesalahan di sisi undang-undang awam, kegagalan fungsi agensi kerajaan, kes penyelewengan, dan seumpamanya. Ketelusan dalam paparan berita akhbar dan keberanian liputan berita tentang isu rasuah, ketidakcekapan kakitangan awam, pecah amanah, dan salah guna kuasa kian ketara.

Dalam jangka masa tiga tahun itu, usaha memperlihatkan kelompangan dalam operasi serta personaliti agensi kerajaan tampak hebat. Situasi ini dikaitkan secara langsung dengan “ajakan” Perdana Menteri kepada para pengamal media secara terbuka untuk sama-sama membantu pihak kerajaan mengusahakan pelan pembangunan serta pemulihan imej kerajaan pada mata rakyat. Peluang ini direbut dan digunakan sebaik mungkin oleh pihak media, apatah lagi tatkala pihak media melihat bahawa bahan berkaitan dengan aduan awam, tuduhan, dan komentar daripada pihak massa ini boleh dikategorikan sebagai bahan skop berita yang bernilai

tinggi. Isu lapuk seperti rasuah dan pecah amanah atau penyelewengan kuasa dalam kalangan penjawat awam yang kini secara aktif ditimbulkan semula sama ada oleh Perdana Menteri sendiri, mahupun oleh rakyat, hakikatnya mempamerkan tahap ketelusan dan inisiatif pihak pemerintah dan rakyat untuk memulihkan kemampuan kerajaan menjalankan fungsinya. Hal yang demikian sesuai dengan apa-apa yang ada dalam diri seseorang wartawan bahawa sebagai seorang yang bersifat kritikal, wartawan cenderung untuk mendedahkan ketidaktentuan dalam masyarakat (Stokkink 2001).

Setiap bahan yang bersifat kritikal dan tidak menentu dalam persekitaran masyarakat ada nilai yang tersendiri sama ada pada mata masyarakat mahupun pada sudut pandangan wartawan. Isu yang dipaparkan dalam akhbar mempunyai nilai berita dan eksklusif untuk dijadikan sebagai bahan laporan akhbar. Menurut Harriss et al. (1992) kelayakan atau ciri berita seperti yang diketahui umum pada hakikatnya merupakan jenis khas gangguan terhadap *status quo*. Sebarang peristiwa bernilai berita bukan sahaja mengganggu *status quo* itu tetapi juga menggangukannya dengan salah satu atau lebih daripada cara menerusi paparan berita yang berciri (1) konflik; (2) kemajuan dan bencana; (3) akibat; (4) ketepatan waktu dan kehampiran; (5) novelti; (6) cerita pesona; (7) seks; dan (8) pelbagai nilai. Namun, antara nilai berita dengan profil isu perkhidmatan awam terdapat satu elemen lain yang lebih penting untuk dipertimbangkan.

Elemen etika dalam rutin pelaporan berita adalah satu alat pengukur atau timbang tara yang wajar dititikberatkan untuk dipatuhi dalam memastikan bahawa imej sektor awam dan tahap keyakinan orang ramai atau rakyat tidak terjejas berikutan laporan yang dipaparkan secara meluas berkaitan dengan isu yang mengaitkan sektor awam. Faridah Ibrahim (2004) menyatakan bahawa apa-apa yang didedahkan kepada kita [pembaca] oleh media massa banyak membantu kita [pembaca] untuk membentuk atau mengkonstruksi realiti. Semua pihak dalam kalangan rakyat faham bahawa idea keterbukaan Perdana Menteri memberi pulangan yang baik kepada semua pihak. Umum secara sedar dapat menghayati misi yang digerakkan oleh pihak kerajaan hari ini bagi memperlihatkan inisiatif drastik Perdana Menteri untuk meniadakan keinginan dan kebiasaan mana-mana individu penjawat awam untuk terus leka, cuai, dan berniat tidak baik semasa menjalankan tugas masing-masing. Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri kelima dilihat sedang bergerak ke satu arah yang jelas, iaitu membersihkan nama baik sekali gus mencipta satu suasana baharu dalam persekitaran kerja agensi awam.

Kepimpinan Perdana Menteri sekarang telah menjadikan matlamat mewujudkan perkhidmatan awam yang telus, berintegriti, cekap, dan berkesan sebagai salah satu agenda utama beliau. Perdana Menteri memberi penekanan kepada peningkatan tahap kualiti penyampaian perkhidmatan awam, melahirkan *towering personality* dan mewujudkan “jenama” yang diyakini dalam perkhidmatan awam. Berpandukan situasi semasa dalam sektor awam dan aspirasi Perdana Menteri ini, pihak media mengambil kesempatan untuk mendapat perolehan dari segi keuntungan wang ringgit, pulangan modal, serta *rating* pembaca yang mantap. Dalam masa yang sama, perjuangan pihak media untuk lebih objektif dalam pemberitaan juga dapat direalisasikan. Menurut Ahmad Murad Merican (2001), objektiviti adalah makna hubungan antara pengetahuan terhadap sesuatu

perkara yang dilaporkan sebagai berita dan perkara itu sendiri secara lahiriah. Kenyataan ini bertepatan dengan kehendak media massa di Malaysia khususnya akhbar untuk menggunakan ruang tempat dan masa yang diberikan oleh kerajaan hari ini bagi mengoperasikan organisasi akhbar mengikut fungsinya secara ideal. Objektiviti dalam sesebuah laporan berita tidak dapat menjamin sepenuhnya reaksi masyarakat untuk mentafsir apa-apa yang disajikan kepada mereka. Jaminan yang boleh dipegang oleh sesebuah akhbar terpulang kembali kepada tindak-tanduk wartawan sendiri untuk memastikan setiap individu yang menjadi pembaca akhbar tahu secara tersurat dan tersirat intipati berita yang dilaporkan. Jaminan ini boleh wujud dalam bentuk kepatuhan wartawan terhadap nilai dan norma yang diterapkan dalam etika kewartawanan. Dalam konteks isu sektor awam, visi kerajaan adalah jelas, yakni untuk memastikan negara yang diperintah berada dalam situasi yang aman dan sejahtera. Namun, keinginan dan cara menyampaikan keinginan itu perlu diselaraskan dengan bijak dan dengan aplikasi kod etika kewartawanan sedia ada dalam semua bentuk laporan berita akhbar agar semua pihak akan merasai manfaatnya. Akhbar arus perdana umumnya telah dan sedang memberikan reaksi menyokong dengan cara memaparkan berita gejala rasuah dan penyelewengan kuasa dalam kalangan penjawat awam. Paparan berita bertujuan untuk memberikan pesanan dan amaran agar setiap kes yang dipaparkan menjadi pengajaran kepada semua penjawat awam.

ETIKA MEDIA DAN IDEA “KETERBUKAAN” SEBAGAI ISU SEMASA DALAM BERITA

Etika media sebenarnya berkait rapat dengan jenis keputusan yang diambil hasil pertimbangan wajar oleh *editor in-chief* sesebuah akhbar untuk menyiarkan atau memaparkan bahan berita dari dimensi tertentu. Dimensi yang dimaksudkan di sini ialah sudut pandangan individu atau kumpulan yang dilaporkan dalam kandungan berita yang berkenaan. Jika laporan berita memperlihatkan sudut pandangan orang awam, maka nada dan kedudukan isu yang dilaporkan sudah tentu memberi impak kepada masyarakat secara umum, manakala jika ia dipetik dari sudut pandangan pihak kerajaan, orang-perseorangan atau pihak tertentu dalam sektor korporat maka gambaran serta bentuk tindakan akan kelihatan memihak kepada pihak yang berkenaan. Setiap wartawan tahu dan faham bahawa terdapat ruang untuk menulis berita, dan setiap ruang ada sempadan yang perlu diawasi agar tindakan menyiarkan laporan berita tidak memberi kesan negatif kepada bangsa, agama, dan negara. Secara teoretikal, terdapat tiga corak etika komunikasi berkaitan dengan wartawan yang digunakan secara sedar ataupun tidak oleh kebanyakan pengamal media, termasuk wartawan di negara ini.

Tiga corak etika media terawal itu dinyatakan oleh Merrill dalam tahun 1974 sebagai etika *absolutist*, etika *antinomian*, dan etika *situationist*. Dalam kerangka etika *absolutist*, prinsip yang dipegang wartawan menjadi garis panduan yang dianggap sebagai undang-undang. Pengamal media menilai berita hanya daripada sudut nilai berita, tanpa mengambil kira kesannya pada pembaca, masyarakat, dan negara. Pengamal etika *antinomian* pula melaksanakan tugas berdasarkan apa-apa yang dirasakan baik oleh mereka. Mereka tidak memiliki prinsip etika sebaliknya hanya berpandukan naluri diri sendiri

sebagai pegangan. Mereka tidak dikuasai atau dikawal oleh mana-mana pihak. Mereka berada dalam kedudukan bebas dan cuba memainkan peranan “semak dan imbang” dan kerap kali dilabelkan sebagai golongan anti-*establishment*. Etika *situationist* pula amat ketara dan banyak diamalkan oleh wartawan terutamanya di negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Etika ini ialah adunan daripada etika *absolutist* dan etika *antinomian*.

Menurut etika ini, wartawan dapat memaparkan laporan berita dalam media masing-masing mengikut keadaan semasa dengan mengambil kira impak laporan tersebut terhadap masyarakat dan negara. Pengamal media khususnya wartawan media cetak di Malaysia menterjemahkan corak etika *situationist* ini ke dalam lapan tuntutan profesion kewartawanan Malaysia seperti yang dizahirkan oleh Institut Akhbar Malaysia [IAM] pada tahun 1989. Antara tuntutan dalam kod etika yang berkenaan disenaraikan seperti berikut:

Kod Etika Kewartawanan Malaysia oleh Institut Akhbar Malaysia (IAM)

- Tugas utama wartawan adalah melaporkan kebenaran dan menghormati hak orang ramai untuk mendapat maklumat yang benar.
- Dalam melaksanakan tugas ini, dia menghayati kebebasan memungut dan menyiarkan berita secara jujur serta berhak membuat ulasan dan kritikan yang saksama.
- Wartawan hendaklah menggunakan cara yang wajar untuk mendapatkan berita, gambar, filem, dan dokumen.
- Sebarang maklumat tersiar yang didapati tidak benar dan tidak tepat hendaklah diperbetulkan.
- Wartawan hendaklah menghormati kerahsiaan sumber berita.
- Wartawan haruslah berbudi pekerti ketika menjalankan tugas dan mengelakkan diri dari plagiarisme, fitnah dan hasutan, tuduhan tidak berasas serta rasuah dalam apa bentuk sekali pun.
- Wartawan hendaklah menghindarkan siaran berita atau rencana yang bersifat perkauman, melampau dan bertentangan dengan tatasusila masyarakat majmuk Malaysia.
- Wartawan hendaklah memahami undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan secara langsung dengan profesion.

(Suhaini Muda dan Ahmad Shamsul Abd. Aziz 2004)

Kod Etika IAM ini boleh dianggap sebagai tunjang pelaksanaan tugas rutin setiap individu wartawan di Malaysia. Setiap wartawan tahu dan faham bahawa ruang untuk bertindak ada batas atau garis sempadan yang perlu diawasi agar tindakan menulis seterusnya menyiarkan laporan berita berkaitan masyarakat, persekitaran dan institusi kerajaan tidak memberi kesan buruk kepada mana-mana pihak. Jika dihalusi dengan teliti, nyata bahawa tuntutan yang diterapkan dalam lapan gagasan idea untuk menyerlahkan kecemerlangan profesion wartawan ini memberi kebebasan bersyarat dan tidak mengikat tindakan wartawan untuk memihak kepada mana-mana pihak dalam negara ini.

Sungguhpun begitu, perlu diingat bahawa setiap unit kata, frasa, ayat, dan makna dalam kandungan laporan berita akhbar boleh memberi gambaran negatif ke atas isu serta subjek yang dilaporkan dalam laporan berita yang berkenaan. Analisis struktur kod etika ini berorientasikan nilai dan norma dalam masyarakat di negara ini yang secara falsafah diselaraskan dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan. Kod ini dianggap sebagai pegangan para wartawan dalam melaporkan berita yang bukan setakat membimbing wartawan agar berhati-hati dalam tugasannya, malah meningkatkan kredibiliti dan profesionalisme. Dalam analisis struktur etika media, tumpuan diberikan kepada kerangka falsafah, ruang lingkup makna etika dan dari segi tema khusus yang digarap berpandukan kod etika IAM tersebut.

Jadual 1:
Struktur etika [tema individu]

Kod Etika Kewartawanan Malaysia oleh Institut Akhbar Malaysia (IAM)

Bil.	Kod Etika	Struktur Etika [Tema Individu]
1	Tugas utama wartawan adalah melaporkan kebenaran dan menghormati hak orang ramai untuk mendapat maklumat yang benar.	<i>Kebenaran dan hak umum</i>
2	Dalam melaksanakan tugas ini, dia menghayati kebebasan memungut dan menyiarkan berita secara jujur serta berhak membuat ulasan dan kritikan yang saksama.	<i>Kejujuran dan kebebasan bersyarat</i>
3	Wartawan hendaklah menggunakan cara yang wajar untuk mendapatkan berita, gambar, filem dan dokumen.	<i>Cara yang betul mengumpul bahan</i>
4	Sebarang maklumat tersiar yang didapati tidak benar dan tidak tepat hendaklah diperbetulkan.	<i>Tanggungjawab membetulkan kesilapan</i>
5	Wartawan hendaklah menghormati kerahsiaan sumber berita.	<i>Kerahsiaan sumber</i>
6	Wartawan haruslah berbudi pekerti ketika menjalankan tugas dan mengelakkan diri dari plagiarisme, fitnah dan hasutan, tuduhan tidak berasas serta rasuah dalam apa bentuk sekalipun.	<i>Tidak terlibat dalam kegiatan menyalahi undang-undang</i>
7	Wartawan hendaklah menghindarkan siaran berita atau rencana yang bersifat perkauman, melampau dan bertentangan dengan tatasusila masyarakat majmuk Malaysia.	<i>Tanggungjawab sebagai warganegara</i>
8	Wartawan hendaklah memahami undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan secara langsung dengan profesion.	<i>Mematuhi undang-undang berkaitan dengan media</i>

Setiap wartawan pula sesuai dengan jenis serta kategori bidang laporan bahan berita. Contohnya meja ekonomi untuk laporan ekonomi. Begitu juga dengan

berita mahkamah dan jenayah. Setiap wartawan yang sudah dikenal pasti lebih awal akan turun ke lapangan untuk mendapatkan bahan berita. Setiap satu bahan berita tersebut perlu mempunyai nilai. Bahan yang bernilai berita disusun mengikut kedudukan ruang dalam akhbar. Nada dan posisi pelaporan isu juga boleh ditinjau dari sudut prosedural yakni personaliti sumber, kata-kata sumber, dan emosi yang berlegar dalam nada percakapan yang dipetik daripada sumber berita. Ia boleh dinilai sebagai berpadanan dengan etika seorang wartawan sama ada mahu memetik dan menulis atas sebab pengajaran, peringatan atau mungkin sekadar menimbulkan keriuhan dalam kalangan pembaca serta ahli masyarakat. Menurut Harriss et al. (1992), setiap cerita dalam laporan berita hendaklah mendedahkan atau dengan jelas membayangkan sumber atau autoritinya. Petikan langsung atau proses mengambil percakapan sumber terus ke dalam badan teks boleh diaplikasikan untuk menerangkan satu-satu isu. Jika kaedah ini digunakan dalam penulisan laporan berita, maka secara teknikalnya sumber disahihkan sebagai berpendirian atau berusaha menyampaikan ideanya secara terus kepada umum.

Menerusi aspek prosedural, dua elemen penting digunakan untuk menilai bahan berita. Pertama, kerja penulisan dan kedua kerja pengumpulan bahan. Kerja penulisan bermula sejak fasa pengumpulan bahan berita bermula di lapangan. Dalam hal ini, wartawan perlu patuh kepada tuntutan Kod Etika IAM yang ketiga iaitu, "Wartawan hendaklah menggunakan cara yang wajar untuk mendapatkan berita, gambar, filem dan dokumen." Dalam konteks siaran, bahan berkaitan sektor awam misalnya, wartawan perlu bijak dan berhati-hati dalam mengklasifikasi jenis bahan rasmi kerajaan, sumber berita, dan kawalan undang-undang berkaitan dengan bahan atau dokumen milik kerajaan. Ini kerana semua dokumen rasmi kerajaan dilindungi oleh Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88). Selepas itu, penyuntingan akan dilakukan di bilik berita dan ketua editor perlu akur serta mengawasi tuntutan Kod Etika IAM yang keenam, ketujuh dan kelapan, iaitu "Wartawan haruslah berbudi pekerti ketika menjalankan tugas dan mengelakkan diri dari plagiarisma, fitnah dan hasutan, tuduhan tidak berasas serta rasuah dalam apa bentuk sekalipun"; "Wartawan hendaklah menghindarkan siaran berita atau rencana yang bersifat perkauman, melampau dan bertentangan dengan tatasusila masyarakat majmuk Malaysia"; dan, "Wartawan hendaklah memahami undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan secara langsung dengan profesion."

Selain memastikan bahan berita tidak bercanggah dengan Kod Etika IAM, kerja penyuntingan juga dilakukan untuk menjaga ketepatan dan kesahihan dari segi penggunaan maklumat daripada sumber dan penulisan berita. Semua berita yang dihasilkan oleh wartawan perlu melalui proses suntingan (Faridah Ibrahim 2003). Jelas bahawa bahan media di Malaysia terikat dengan Kod Etika sebagai satu bentuk pengawasan terhadap tindakan melaporkan berita kepada umum. Perkataan, frasa, dan ayat dalam teks laporan berita sebenarnya memberi implikasi besar kepada pelapor berita, sumber berita, dan isu yang dilaporkan sebagai bahan berita. Jika tidak ditangani dengan betul dari segi kaedah dan tujuan penulisan, isu etika mungkin timbul dek sikap sambalewa ketua editor dan wartawan yang melaporkan berita berkenaan. Tiga bentuk kenyataan yang boleh ditinjau dari sudut semantik umum menurut Trikotomi Hayakawa ialah (1) kenyataan laporan, atau dengan kata lain bahasa sains yang laporannya boleh diverifikasikan; (2) kenyataan tanggapan, laporan berdasarkan pemerhatian wartawan itu sendiri dan ia boleh memesongkan

fakta sebenar. Bagaimanapun, kenyataan ini adalah penting dalam penulisan tetapi penulis perlu berhati-hati. Kerap kali maksud yang ingin disampaikan oleh penulis atau wartawan dengan maksud yang difahami atau dijangkakan untuk diterima oleh pembaca tidak seiringan; dan (3) kenyataan hukuman, iaitu kenyataan persetujuan atau tidak bersetuju wartawan terhadap sesuatu isu. Ia kerap mengandungi elemen penghakiman dan penilaian wartawan itu sendiri (Faridah Ibrahim 2004). Sebilangan laporan akhbar yang dipilih untuk dianalisis mempamerkan kesemua bentuk kenyataan ini. Ketiga-tiga bentuk kenyataan ini membantu kita memahami kedudukan wartawan dan sumber berita sama ada cenderung untuk menilai dan meletakkan agensi kerajaan pada posisi bersalah, sekadar memberikan maklumat dalam bentuk laporan mahupun sekadar membuat tanggapan umum.

Apabila memperkatakan tentang “kenyataan” menurut semantik umum yang terdapat dalam teks laporan berita, faktor kejelasan makna tersurat amat penting dan diguna pakai dalam analisis substantial etika media. Secara mekanikal susunan frasa dan ayat perlu ringkas dan padat, tetapi mudah difahami dengan sekali bacaan pada satu-satu masa seseorang pembaca akhbar membaca berita berkenaan. Namun, paparan bahan berita yang menyalahi etika boleh dianggap sebagai bercanggah dengan peruntukan undang-undang berkaitan dengan media massa. Hebahan berita dalam media cetak tertakluk kepada undang-undang yang secara khusus merujuk kepada akta-akta yang berkaitan dengan komunikasi dan media seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Rahsia Rasmi 1972, dan Akta Hasutan 1948. Setiap satu daripada undang-undang yang berkaitan dengan media massa ini secara jelas melarang sebarang bentuk tulisan atau paparan yang melanggar hak cipta orang lain, berunsur lucah, bertentangan dengan agama, memfitnah, menghasut, mendedahkan rahsia kerajaan menjejaskan ketenteraman awam dan memudaratkan keselamatan negara (Kamal Halili Hassan 1990).

KEDUDUKAN ETIKA DALAM PELAPORAN BERITA ISU PERKHIDMATAN AWAM

Isu semasa membabitkan sektor awam meliputi soal penyampaian perkhidmatan awam boleh ditinjau dari sudut kualiti sistem dan kadar produktiviti yang memberi kepuasan kepada orang awam sebagai pelanggan agensi kerajaan yang berkenaan. Apabila membincangkan soal penyampaian perkhidmatan awam, dua isu utama yang memberi impak besar kepada imej perkhidmatan awam seluruhnya ialah (1) isu rasuah; dan (2) penyelewengan kuasa dalam kalangan pegawai dan anggota sektor awam di semua peringkat.

Amalan kerajaan sekarang yang lebih terbuka dalam isu berkaitan rasuah mungkin faktor indeks persepsi rasuah negara merosot.

(“Amalan terbuka punca indeks persepsi rasuah merosot,”
BERNAMA, 18/12/2006)

Petikan berita ini menerangkan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2006 yang menunjukkan kedudukan Malaysia yang jatuh ke tangga ke-44 daripada 163

buah negara berbanding tempat ke-39 tahun 2005. Secara tidak langsung berita ini sebenarnya telah mengaitkan inisiatif pihak kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri kelima untuk mempraktikkan amalan terbuka dalam menilai agensi-agensinya terutama dalam menangani isu berkaitan rasuah. Kenyataan ini juga sekali gus memberikan gambaran bahawa idea “keterbukaan” Perdana Menteri seakan-akan memberi kesan kepada kadar tangkapan dan siasatan kes-kes rasuah dalam tempoh yang dinyatakan dalam laporan berita berkenaan. Namun, persoalan yang perlu dijawab terlebih dahulu adalah sama ada laporan berita yang telus telah berjaya mengekang perbuatan memberi atau menerima suapan atau mungkin sememangnya agensi kerajaan yang berkenaan mempunyai strategi yang utuh dan sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa untuk memastikan aktiviti atau perbuatan berkaitan rasuah dapat dibendung sepenuhnya.

Rasuah

Isu rasuah menjadi bahan dalam laporan berita sejak berdekad yang lampau. Namun, dalam era pemerintahan kerajaan pimpinan Perdana Menteri kelima, media diberikan ruang yang luas untuk melaporkan salah laku penjawat awam, terutama dalam kes-kes rasuah. Laporan berita yang berkisar tentang isu ini sememangnya agak radikal dalam konteks cara paparan pelaku rasuah itu sendiri. Petikan langsung kata-kata sumber berita tampak realistik dan emotif terhadap isu tersebut. Yang jelas setiap kata yang dipetik ini boleh memberi kesan yang sama kepada pembaca untuk menilai sekali gus membuat keputusan untuk bertindak terhadap apa-apa yang dilaporkan. Antara lain, petikan laporan berita berikut cuba menjelaskan proses sebenar yang berlaku dalam operasi agensi perkhidmatan awam apabila rasuah mula dipilih sebagai satu kaedah berurusan di agensi awam.

Keratan Akhbar 1:

Bagi duit pada orang supaya dia cepat (mendapat perkhidmatan yang diperlukannya). Jika kerap sangat, ada pula beranggapan, ‘jika kita tangguhkan, kita boleh buat duit, jadi semua nak tangguhkan,’ “Sebab itu jawatan ketua yang dilantik perlu dapat kelulusan dari BPR. **Kadang-kadang sebelum dilantik baik, selepas itu jadi jahat.** Hanya orang yang baik sahaja boleh mengendalikan sistem yang baik.

(“K’jaan Ambil Sikap Hati-hati Banteras Kes Rasuah, kata PM” dlm. *BERNAMA*, 29 Jun 2005)

Frasa “Bagi duit pada orang supaya dia cepat” memperlihatkan usaha editor memetik kata-kata Perdana Menteri secara terus dengan mengambil semua elemen kata dalam frasa percakapan tanpa menggugurkan atau mengubah suai mana-mana bahagian dalam frasa berkenaan. Demikianlah juga dengan frasa “... Kadang-kadang sebelum dilantik baik, selepas itu jadi jahat” yang dipetik terus daripada kata-kata sumber untuk dipaparkan dalam laporan berita. Tujuan petikan sebegini dibuat adalah untuk memberi kesan penegasan dan keunikkan dalam pesanan pemimpin nombor satu negara ini. Menerusi struktur etika, dapat

dikesan wujud tema “kebenaran dan hak umum” dalam laporan ini. Kita boleh mengesan niat ketua editor dan wartawan yang menulis berita ini yang optimis untuk memaklumkan kepada semua lapisan masyarakat bahawa ada sebilangan individu dalam masyarakat yang berpotensi dan pada bila-bila masa akan cuba merasuah penjawat awam jika berpeluang berbuat demikian. Begitulah sebaliknya ada juga penjawat awam yang boleh dirasuah dengan mudah oleh pihak yang berkepentingan.

Dari sudut substantial, menerusi **kenyataan tanggapan**, ketua editor kelihatan cuba menunjukkan bahawa Perdana Menteri telah secara sedar melabelkan individu atau kumpulan penjawat awam yang pernah, berani atau cuba-cuba menerima suapan atau rasuah sebagai “individu mudah mengikut telunjuk si pemberi rasuah”. Dalam masa yang sama, **kenyataan hukuman** menerusi label “jahat” ditujukan kepada mana-mana penjawat awam yang cenderung melakukan rasuah. Dari satu sudut, kandungan berita yang memetik terus ungkapan autoritatif sebegini boleh memberi gambaran tentang pendirian Perdana Menteri terhadap gejala rasuah yang membabitkan penjawat awam. Makna dalam kedua-dua **kenyataan tanggapan** dan **kenyataan hukuman** yang boleh ditafsirkan daripada kedua-dua frasa itu adalah jelas, iaitu Perdana Menteri secara terbuka membenci kakitangan awam yang terlibat dalam rasuah dan mana-mana kakitangan yang mempunyai keinginan untuk menggunakan kuasa masing-masing untuk kepentingan diri sendiri.

Keratan Akhbar 2:

Sebut sahaja agensi perkhidmatan awam, yang sering tergambar di fikiran masyarakat ialah kakitangan serta pengurusannya **lembap, malas, tidak cekap, kurang berdisiplin** serta **sarat dengan kerenah birokrasi. Imej perkhidmatan awam juga sedikit terjejas apabila dikaitkan dengan gejala rasuah** walaupun hanya segelintir kakitangannya dikenal pasti terlibat dalam jenayah tersebut.

(“Beban besar sektor awam” dlm.
Utusan Malaysia 28/11/2006)

Selain laporan berita, penulisan rencana memainkan peranan penting dalam usaha pihak media mengetengahkan isu rasuah dan penyelewengan kuasa. Rencana tulisan wartawan sesebuah akhbar lazimnya cuba menjelaskan pandangan dunia penulis, kritikan, dan olahan hujah membina mengikut terma perbincangan. Penulisan rencana sememangnya menyediakan ruang untuk wartawan mengemukakan hujah membidas, menilai secara kritis, dan menimbulkan persoalan untuk difikirkan oleh pembaca. Namun jika ditinjau dari sudut struktural dan substantial jelas bahawa kandungan tulisan rencana itu cuba mengutarakan perasaan muak dan jelek terhadap sektor awam secara umum. Pemilihan kata “lembap,” “tidak cekap”, dan “kurang berdisiplin” telah membentuk satu **kenyataan tanggapan** dan ini dilakukan atas usaha penulis untuk menanamkan kepercayaan dalam kalangan pembaca bahawa imej sektor awam sememangnya seperti yang dinyatakan.

Justifikasi yang melulu seperti yang dinyatakan dalam **kenyataan tanggapan** yang berbunyi “Imej perkhidmatan awam juga sedikit terjejas apabila dikaitkan

dengan gejala rasuah" dapat dikendurkan dengan ayat berikutnya iaitu, "walaupun hanya segelintir kakitangannya dikenal pasti terlibat dalam jenayah tersebut" namun, hakikatnya idealisme penulis masih berlegar tentang keinginan penulis untuk menamatkan kepercayaan dalam kalangan pembaca tentang perkhidmatan awam hari ini.

Keratan Akhbar 3:

Rasuah hanya boleh dihapuskan jika semua rakyat bekerja sama membantu kerajaan memerangi gejala itu dengan menghentikan amalan 'memberi dan menerima' yang menjadi punca berlaku gejala itu di dalam masyarakat... **masyarakat perniagaan boleh bertindak pantas melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya ada pihak tertentu terutama dalam jabatan kerajaan meminta rasuah... kes yang dilaporkan oleh akhbar melibatkan anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Pelabuhan, Datuk Zakaria Md. Deros mengubahsuai rumah tanpa kebenaran Majlis Perbandaran Klang, tidak akan berlaku.**

("Rakyat perlu bekerjasama bantu kerajaan perangi rasuah" dlm.
Utusan Malaysia, 16/11/2006)

Dalam Keratan Akhbar 3, perhatikan ayat yang secara terang-terangan menyebut semula nama individu dalam laporannya. Nama individu yang berkenaan ditulis dengan lengkap berserta nama jawatan "... anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Pelabuhan Kelang, Datuk Zakaria Md. Deros..." serta kesalahan beliau "...mengubahsuai rumah tanpa kebenaran Majlis Perbandaran Klang...". Dari segi struktural, laporan ini cuba mengupas semula isu sama ada dengan memberikan contoh kes lampau ini diaplikasikan sebagai satu bentuk peringatan kepada umum atau sekadar menyebut nama individu berkenaan atau mungkin sekadar memberikan unsur sensasi kerana nama dan jawatan memiliki kesan tertentu jika disebut atau ditulis secara terang-terangan. Namun, harus diingat bahawa laporan yang memaparkan nama individu sebegini secara berulang kali boleh memberi impak negatif kepada imej dan nama baik individu yang berkenaan untuk jangka waktu yang panjang.

Penyelewengan Kuasa

Isu penyelewengan kuasa berlaku dalam mana-mana kerajaan di seluruh dunia. Penggantian kerajaan yang memerintah sesebuah negara sama ada menerusi pilihan raya, penggulingan, skandal, dan aktiviti penyelewengan kuasa secara terancang banyak didedahkan kepada umum. Sungguhpun begitu, penyelewengan kuasa yang dilakukan oleh pemimpin dan penjawat awam yang dipaparkan sebagai berita dalam akhbar mempunyai kesan yang berlainan berbanding proses kejatuhan sesebuah kerajaan yang memerintah kemudian digantikan dengan sebuah kerajaan yang baharu. Inilah yang dibimbangi oleh pucuk pimpinan negara. Sebagai aset dalam pentadbiran dan pengurusan jentera pemerintahan negara, seharusnya kakitangan awam mengelakkan diri daripada sebarang unsur penyelewengan.

Keratan Akhbar 4:

Bekas Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bahawa Tan Sri Kasitah Gaddam pernah mengugut untuk menukarnya ke jawatan lain yang gajinya lebih rendah jika beliau enggan meluluskan penjualan 16 peratus saham agensi itu, hampir 11 tahun lalu... **Kasitah turut didakwa menipu ahli-ahli mesyuarat LKTNS dengan menyembunyikan tawaran PPB Oil Palms Sdn. Bhd. yang diketahuinya pada 13 September 1996 sehingga mendorong ahli-ahli mesyuarat LKTNS meluluskan penjualan 16.8 juta saham LKTNS.**

(“Kasitah ugut tukar jawatan lebih rendah – Mohd. Tahir” dlm. *Utusan Malaysia*, 10/01/2007)

Dari sudut struktural, secara minimum paparan berita berkaitan dengan penyelewengan kuasa dapat mencegah pegawai-pegawai sektor awam daripada terbabit dalam isu berkenaan. Gambaran tentang jenis hukuman dan padah malu yang boleh diterima sekiranya ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah memberi impak yang besar kepada semua pihak yang terlibat. Dari sudut substantial, pemilihan perkataan “**menipu**” sudah cukup untuk menimbulkan keraguan sekali gus memusnahkan kepercayaan orang ramai terhadap personaliti individu yang dilaporkan dalam berita di atas. Perkataan “**menipu**” mungkin boleh ditukar kepada “**cuba memperdaya**” dan seumpamanya. Deskripsi cara menipu dan kadar amaun dalam kes penipuan seperti yang dilaporkan dalam Keratan Akhbar 4 secara jelas menggambarkan keruntuhan personaliti bekas menteri yang dahulunya disanjung tinggi dalam agensi yang diterajunya. Demikianlah juga dengan tajuk berita yang secara keras menggunakan istilah “**ugut**” sebagai satu bentuk penerangan tentang tindakan subjek yang dilaporkan dalam berita ini.

Keratan Akhbar 5:

Seorang anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan menerima rasuah RM400 dari seorang pengusaha tempat letak kereta.

(“Penguat kuasa DBKL dituduh rasuah” dlm. *Utusan Malaysia*, 22/11/2006)

Selain mengemukakan nama penjawat awam, ada juga laporan yang menyebut secara jelas nama jawatan bersama nama agensi kerajaan tempat subjek berita itu bekerja. Sepatutnya wartawan perlu menggunakan ganti nama seperti “di sebuah agensi Pihak Berkuasa Tempatan” dan memasukkan perkataan “bekas” sebelum nama jawatan subjek yang berkenaan untuk menggambarkan bahawa individu atau subjek tersebut tidak boleh dikaitkan terus dengan imej agensi kerajaan yang

dilaporkan. Hal yang demikian dapat menghindarkan persepsi serong orang ramai terhadap agensi kerajaan kekal sampai bila-bila. Lazimnya, **kenyataan laporan** sebegini jika disebut bersama kesalahan, ia akan bertukar menjadi **kenyataan tanggapan** yang boleh membentuk persepsi serong pembaca terhadap kandungan laporan secara keseluruhan.

Keratan Akhbar 6:

"Kita mahu orang lihat kita (kakitangan awam) sebagai anggota yang berwibawa dan dihormati dan bukan **depan cakap elok, di belakang kita macam-macam cakap tak baik**," tegas Perdana Menteri, kelmarin.

("Tambah Baik Sektor Awam" dlm. *Utusan Malaysia*, 10/01/2007)

Dalam soal imej agensi kerajaan, tumpuan dan penekanan terhadap usaha mengekalkan imej baik agensi kerajaan dilakukan secara konsisten oleh Perdana Menteri dalam hampir semua laporan berita yang memetik kata-kata beliau. Saranan dan peringatan tentang persepsi orang awam terhadap agensi kerajaan sering kali menjadi intipati ucapan atau kata-kata beliau. Antara lain, disebutkan dalam frasa berbunyi "depan cakap elok, di belakang kita macam-macam cakap tak baik". Frasa ini memberi penjelasan bahawa kemungkinan tetap wujud orang awam mencerca, mencemuh, atau memberikan komentar yang negatif terhadap agensi kerajaan. Ini semua berlaku atas sebab imej yang tercalar dek perbuatan individu penjawat awam yang bekerja di agensi yang berkenaan. Dari sudut prosedural etika, petikan ini memperlihatkan **kenyataan tanggapan** Perdana Menteri terhadap individu kakitangan awam. **Kenyataan tanggapan** sebegini secara langsung meletakkan Perdana Menteri sebagai individu yang mengetahui banyak perkara tentang tingkah laku seseorang penjawat awam atau mungkin beliau dianggap sebagai mengadakan cerita semata-mata.

Keratan Akhbar 7:

Tindakan itu mestilah adil dan saksama, kita kena ikut peraturan, bila kita buat sesuatu tindakan itu biarlah tindakan yang dibuat itu, disenangi.

("Abdullah Mahu Kakitangan Awam Lebih Serius" dlm. *BERNAMA*, 27/06/2005)

Dalam Keratan Akhbar 7, Perdana Menteri menjelaskan bentuk tindakan yang perlu diambil oleh seseorang kakitangan awam. Aspek keadilan, kesaksamaan, dan kepatuhan terhadap undang-undang ialah prasyarat untuk orang awam mengiktiraf kualiti dan ketelusan sesebuah agensi kerajaan. Kenyataan laporan ini bersifat sederhana dan tidak menggambarkan tuduhan atau cemuhan terhadap agensi serta kakitangan awam.

Berpandukan empat kriteria inilah maka timbulnya amaran untuk dihayati oleh setiap penjawat awam. Amaran Perdana Menteri adalah jelas iaitu **“tidak mahu”** yang bermaksud cukup setakat kali ini dan sebarang masalah selepas kenyataan beliau ini dianggap sebagai kecuiaan agensi kerajaan itu sendiri.

Keratan Akhbar 8:

Perdana Menteri berkata beliau **tidak mahu** mendengar agensi kerajaan yang memikul tugas mengendalikan sesuatu projek dipersalahkan bila timbul sebarang masalah akibat kegagalan memantau projek, lebih-lebih lagi yang ada hubung kait dengan kepentingan awam.

(“Pantau Projek Sehingga Siap, Kata Abdullah” dlm.
BERNAMA, 11/07/2005)

Rumusan kata-kata beliau dalam laporan berita di atas merujuk kepada mana-mana agensi kerajaan yang diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan sesuatu projek. Secara umum, **kenyataan laporan** ini memberi kesan langsung ke atas fungsi dan matlamat sesebuah agensi kerajaan agar lebih mengutamakan kualiti dalam operasinya. Namun, secara khusus, kenyataan ini sebenarnya merujuk kepada agensi kerajaan yang terlibat dalam satu-satu projek pembangunan sama ada sebagai agensi pemantau ataupun penilai yang bagi Perdana Menteri seharusnya bersikap telus serta cekap dalam mengendalikan prosedur pemantauan projek. Jelas bahawa dari sudut struktural teks, berita ini menggambarkan niat murni sumber berita untuk menyelesaikan permasalahan sedia ada, manakala dari segi substantial **kenyataan laporan** ini lebih cenderung untuk merumuskan kata-kata Perdana Menteri.

Dalam Keratan Akhbar 9, kenyataan Perdana Menteri agak sinis dan tegas terhadap sebilangan kakitangan awam yang menggunakan kuasa yang diamanahkan mengikut jawatan masing-masing bagi menganiaya pihak yang ingin mendapatkan perkhidmatan daripada agensi kerajaan yang berkenaan. Penggunaan analogi “Little Napoleon” kepada kakitangan awam yang menyalahgunakan kuasa menggambarkan nada sinis pucuk pimpinan terhadap individu yang sewenang-wenangnya menggunakan pangkat agar pihak yang berurusan dengan individu penjawat awam tersebut takut kepada mereka.

Keratan Akhbar 9:

Prime Minister Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Friday **warned a small group of civil servants who were trying to show power by delaying implementation of the country’s development projects. “There is no need to show how powerful you are by delaying things. There are people who held back files, and there are people who held back decisions,”** he said during the Ministry of Finance monthly assembly, here. **“We don’t want to have ‘Little Napoleon’ in the civil service showing power by delaying things, for example,**

just to teach that person a lesson," said Abdullah who is also the Finance Minister... **the show-of-power problem was because of the attitude of some civil servants** and not due to the process of handing over of power... We can't have people who cannot accept advice.

("No 'Little Napoleon' In Civil Service Please, Says Abdullah", dlm. *BERNAMA*, 14/04/2006)

Kenyataan laporan yang memetik secara langsung ungkapan lisan Perdana Menteri yang berbunyi "There is no need to show how powerful you are by delaying things" memberi penjelasan tentang limitasi kuasa dan larangan terbuka Perdana Menteri terhadap mana-mana pegawai kerajaan yang cuba atau pernah menunjuk-nunjuk kuasa dengan niat yang tidak betul. Beliau mengaitkan perbuatan menunjukkan kuasa sebagai berkait langsung dengan sikap individu berkenaan.

KESIMPULAN

Hasil analisis struktural menunjukkan bahawa tuntutan etika media dipegang dan secara nyata berkait rapat dengan kelapan-lapan Kod Etika IAM. Secara fizikal matlamat yang digarap dalam setiap satu daripada lapan Kod Etika tersebut diselitkan dalam setiap berita. Dua tema yang digarap dalam Kod Etika berkenaan, iaitu (1) kebenaran dan hak umum; dan (2) kejujuran dan kebebasan bersyarat, tampak realistik dan dipatuhi dengan ketara dalam semua laporan berita yang dianalisis. Dalam analisis prosedural pula, kerja-kerja suntingan nyata agak begitu longgar dan tidak secara prinsip mengikut proses suntingan ayat, frasa, dan kata. Ini dilakukan seolah-olah dengan "sengaja" sebagai satu cara untuk memberi isyarat bahawa wartawan telah, sedang dan akan memberi reaksi positif atau sokongan terhadap idea keterbukaan yang disarankan oleh Perdana Menteri. Justeru, perlu diketahui bahawa apabila kita memperkatakan prosedural etika, secara teknikal kita juga mengaitkan substantial etika.

Jika suntingan tidak dilakukan, maka kandungan berita dibiarkan untuk dibaca dalam keadaan yang dikehendaki oleh ketua editor itu sendiri. Jelas bahawa laporan berita akhbar yang dianalisis secara terang-terangan memetik pesanan, ketegasan, amaran, peringatan, dan teguran daripada Perdana Menteri terhadap penjawat awam untuk mengawasi tindak-tanduk masing-masing agar tidak terjebak ke dalam gejala rasuah dan penyelewengan kuasa. Semua entiti dalam pengucapan awam sama ada nada, posisi, emosi, dan hasrat Perdana Menteri ini berjaya diketengahkan dalam bentuk tulisan menerusi format berita akhbar oleh wartawan akhbar yang berkenaan. Stokkink (2001) berpendapat bahawa seseorang wartawan adalah bebas, kritikal, tidak berat sebelah, dan boleh membuat laporan yang terkini, jelas dan padat dengan maklumat, memiliki personaliti yang menarik dan tidak mudah mengalah dengan prasangka umum terhadap dirinya sebagai pelapor kejadian dalam masyarakat. Gagasan idea tentang tugas wartawan ini tampak ideal dan secara teorinya dapat memberi manfaat kepada semua pihak dalam sebuah negara yang demokratik seperti Malaysia. Namun, dalam konteks persekitaran budaya, pandang dunia, agama dan kematangan masyarakat di negara ini untuk menaakul satu-satu isu elemen etika perlu diterangkan secara serius

dalam apa juga bentuk laporan berita teks, kewartawanan foto mahupun rencana komentar dalam akhbar.

Tafsiran ke atas bentuk-bentuk **kenyataan laporan, kenyataan tanggapan, dan kenyataan hukuman** oleh sumber berita yang ditinjau dari dimensi substantial secara umum memberikan gambaran bahawa elemen “keterbukaan” yang diterapkan dalam pemberitaan isu sektor awam dalam akhbar nasional benar-benar dipraktikkan. Yang jelas, semua laporan berita yang dikelaskan mengikut jenis **kenyataan laporan, tanggapan dan hukuman** itu berbentuk amaran dan pesanan agar individu atau kumpulan penjawat awam tahu bahawa kesan buruk pasti akan diterima dalam bentuk hukuman jika mereka cuba melakukan kesalahan rasuah atau penyelewengan kuasa dalam agensi masing-masing. Ahmad Murad Merican (2001) menyebut bahawa berita dan budaya dalam masyarakat sebagai satu komponen yang bergabung dan saling melengkapi antara satu sama lain. Elemen pemikiran, kata-kata, dan matlamat hidup manusia menyatukan bentuk tafsiran mereka terhadap berita yang dipaparkan dalam media cetak (Mansor Ahmad Saman 1995). Implikasi daripada kenyataan ini nyata memberikan makna kepada etika *situationist* yang tampak menjadi pegangan para wartawan media cetak di negara ini.

Hasil analisis struktural, prosedural, dan substantial ke atas berita isu rasuah dan penyelewengan kuasa ini dapat dikenal pasti bahawa media cetak aliran perdana di negara ini menerusi pelaporan berita dan penulisan rencana wartawannya dapat memaparkan laporan berita dalam media masing-masing mengikut situasi semasa. Secara nyata, analisis struktural mempamerkan pelaporan berita trend “terbuka” menurut Perdana Menteri dan ia memenuhi dua daripada lapan tuntutan Kod Etika IAM. Daripada analisis prosedural, wartawan menekankan kaedah penulisan maksimum untuk kadar atau bilangan petikan kata sumber berita yang berkaitan dengan isu serta kerja-kerja penyuntingan yang minimum untuk paparan nama, jawatan atau kedudukan dan agensi awam yang terlibat dalam isu dalam laporan berita bagi kedua-dua isu.

Dalam analisis substantial pula, segmen pesanan dan amaran yang dipetik daripada ungkapan lisan dan berita fail berkaitan isu disusun secara dramatik dalam bentuk kenyataan laporan, tanggapan dan hukuman. Ketiga-tiga rangka analisis ini secara teknikal dan falsafah telah mengukuhkan rangka etika *situationist* dalam trend pelaporan berita secara “terbuka” menurut idealisme “keterbukaan” Perdana Menteri. Sungguhpun begitu, persoalan pokok yang perlu ditangani semua pihak adalah sejauh manakah pembaca akhbar nasional di negara ini dapat menilai dan seterusnya menyokong idea keterbukaan yang dicanangkan Perdana Menteri ini. Adakah semua laporan berita berkaitan dengan isu dalam sektor awam boleh dinilai dari kaca mata pembaca sebagai beretika, kurang beretika, atau tidak beretika walhal semua penulisan laporan berita ini menggambarkan inisiatif wartawan untuk menyahut seruan agar semua pihak lebih terbuka dalam memperkatakan satu-satu gejala dalam masyarakat demi kebaikan negara dan masyarakat itu sendiri? Dalam masa yang sama, dapat atau tidak laporan berita berkaitan isu dalam sektor awam di era pemerintahan Perdana Menteri kelima ini membantu memberi kefahaman menyeluruh tentang hasrat pucuk pimpinan negara itu untuk membaiki mutu perkhidmatan awam. Sebagai penjawat awam untuk tempoh selama 42 tahun, Perdana Menteri mungkin mempunyai kelebihan dari segi pengalaman

dan ini secara tidak langsung membantu beliau untuk membuat pemerhatian kritis terhadap trend operasi dan masalah dalam perkhidmatan awam di negara ini dari dahulu hingga kini. Sebagai satu bentuk inisiatif yang radikal, idea keterbukaan yang diuar-uarkan oleh beliau ini sebenarnya boleh ditanggap sebagai satu usaha meneguhkan jentera pentadbiran negara terutama menjelang tibanya tahun 2020 tidak lama lagi. Perjalanan ke arah tahun keramat itu kini kian ruwet dek disulami gelombang isu dan cabaran yang dibawa oleh arus globalisasi. Hanya kerajaan yang kuat dari sudut fizikal dan jati dirinya sahaja boleh meneruskan perjuangan ke arah menjadi negara yang maju dan disegani.

RUJUKAN

- Ahmad Murad Merican. 2001. *The Journalist as Storyteller: Essays on the Scribe and His Times*. Subang Jaya, Selangor: F.A.R. Publishers.
- Faridah Ibrahim. 2004. Penggunaan dan salah guna bahasa dalam tajuk berita daripada perspektif semantik umum. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penyertaan dalam Komunikasi: Hak, bentuk dan dasar, Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM Bangi.
- Faridah Ibrahim. Falsafah dan etika kewartawanan di Malaysia: Antara tuntutan profesionalisme dan kepentingan industri. *Jurnal Komunikasi*. 19:59-78
- Harriss, J., K. Leiter, & S. Johnson. 1992. *Panduan Lengkap Pemberita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamal Halili Hassan. 1990. *Penulis dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor Ahmad Saman. 1995. *Penulisan dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Merrill, J.C. 1974. *The Imperative of Freedom*. New York: Hastings House.
- Mohd. Hamdan Adnan. 2004. *Government Public Relations: Persuasion, Personality & Power*. Kajang, Selangor: Asian Public Relations Academy Sdn. Bhd.
- Stokkink, T. 2001. *Basic Elements of Journalism*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Suhaini Muda dan Ahmad Shamsul Abd. Aziz. 2004. Kebebasan media: Antara kepatuhan undang-undang dan etika pengamal media. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Komunikasi Ke-2, "Cabaran pengurusan Komunikasi di Era Digital", Langkawi, Kedah, 18-19 Disember.

Surat Khabar

- Abdullah Mahu Kakitangan Awam Lebih Serius. 2005. *BERNAMA* 27 Jun.
- Amalan terbuka punca indeks persepsi rasuah merosot. 2006. *BERNAMA*, 18 Disember.
- Beban besar sektor awam. 2006. *Utusan Malaysia*. 28 November.
- K'jaan Ambil Sikap Hati-hati Banteras Kes Rasuah, Kata PM. 2005. *BERNAMA* 29 Jun.

- Kasitah ugut tukar jawatan lebih rendah – Mohd. Tahir. 2007. *Utusan Malaysia*. 10 Januari.
- No 'Little Napoleon' In Civil Service Please, Says Abdullah. 2006. *BERNAMA*, 14 April.
- Pantau Projek Sehingga Siap, Kata Abdullah. 2005. *BERNAMA*. 11 Julai.
- Penguat kuasa DBKL dituduh rasuah. 2006. *Utusan Malaysia*. 22 November.
- Tambah Baik Sektor Awam. 2007. *Utusan Malaysia*. 10 Januari.